



**ISMAIL (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Douglas diperhatikan pegawai PDRM dan UMS-KAL.**

## **Douglas terima kunjungan hormat Pengarah UMS-KAL**

*UB 04-12-2012 AF*

LABUAN: Timbalan Ketua Polis, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan, DSP Douglas Nyeging Taong telah menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di pejabatnya, kelmarin.

Rombongan UMS-KAL diketuai Pengarahnya, Prof Madya Dr Ismail Ali bersama Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah.

Turut menyertai pertemuan itu ialah Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan, Penolong Pendaftar HEP, Suffian Osman dan Penolong Pegawai Tadbir HEP, Che Din Md Salleh.

Turut hadir Ketua Cawangan Khas IPD Labuan, DSP Zakaria A Rahim.

Ismail berkata, kunjungan hormat itu bertujuan untuk merapatkan hubungan baik yang sedia terjalin antara PDRM dan UMS-KAL.

Selain itu, untuk membincangkan kerjasama UMS-KAL dengan PDRM dalam menangani isu-isu semasa dan keselamatan warga universiti itu.

“Kunjungan hormat itu untuk membincangkan program-program kerjasama antara UMS-KAL dan PDRM Labuan,” katanya.

Dalam pertemuan itu, Ismail turut menyampaikan ucapan salam Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan ucapan terima kasih pihak pengurusan UMS kepada PDRM Wilayah Persekutuan Labuan atas komitmen dan kerjasama yang diberikan selama ini.

Katanya, PDRM Labuan telah banyak membantu menjayakan pelbagai program UMS-KAL termasuk perarakan Graduan Berjubah, Tamu Gadang, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan aktiviti pelajar.

Ismail berkata, pada masa kini pengurusan dan pentadbiran UMS yang diterajui Prof Datuk Dr Mohd Harun sentiasa memberi perhatian penuh kepada pembangunan akademik, kebajikan dan sahsiah pelajar selaras dengan Pelan Transformasi Pendidikan Negara.

Sehubungan itu, pelbagai kemudahan infrastruktur sedang dinaiktaraf dan dibangunkan oleh pihak universiti bagi memastikan pelajar terus cemerlang dalam akademik, kebajikan dan pembangunan sahsiah.

“UMS yang diterajui Naib Canselor sentiasa berusaha untuk menjadikan UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang mampu melahirkan modal insan kelas pertama dan berguna kepada agama, bangsa dan negara,” katanya.